

## Malaysia masih destinasi pelaburan menarik

**KUALA LUMPUR** – Malaysia masih dilihat sebagai destinasi yang menarik bagi para pelabur meskipun dalam suasana ekonomi global yang tidak menentu.

Ketua Pegawai Pelaburan UOB Asset Management (Malaysia) Bhd. (UOBAM Malaysia), Francis Eng berkata, di sebalik persepsi keadaan pasaran yang masih lembap, indeks petunjuk utama FTSE Bursa Malaysia KLCI sebenarnya telah meningkat kira-kira 3.8 peratus sejak 16 April lalu, ketika pasaran di negara-negara Asia merosot sekitar empat peratus.

“Keadaan pasaran yang lemah sekarang adalah masa terbaik untuk pelabur, antara faktor yang berpotensi memacu semula pertumbuhan ekonomi di Malaysia ialah polisi negara yang lebih jelas dan prestasi lebih baik bagi syarikat berkaitan kerajaan.

“Selain itu, daya tahan Malaysia yang kurang dipengaruhi turun naik pasaran turut digemari pelabur dalam keadaan ketidaktentuan pasaran sekarang,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran United Malaysia Fund oleh

UOBAM Malaysia di sini semalam.

Menurut beliau, sentimen yang lemah dalam kalangan pengguna adalah disebabkan orang ramai gemar mempercayai berita dan peristiwa lalu, sedangkan pelabur memandang ke hadapan dan melihat prospek dan peluang pertumbuhan.

Mengulas mengenai United Malaysia Fund, beliau menerangkan, ia merupakan dana pertama yang memfokuskan kepada pasaran Malaysia dan mempunyai pelaburan minimum awal sebanyak RM1,000.